



# Tarikan kerang gergasi bakar

Kerang 'gasi' juadah istimewa di Pantai Batu Buruk

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU


Saiznya yang luar biasa besar serta jarang ditemui menjadikan menu kerang 'gasi' (gergasi) bakar di gerai Penyu Corner yang beroperasi di Pantai Batu Buruk di sini istimewa sekaligus menarik perhatian pengunjung.

Uniknya, saiz kerang di gerai makan itu ada yang mencelah sehingga 20 sentimeter menjadikan ia antara kerang terbesar pernah dijual di sini.

Pemilik gerai makanan Penyu Corner, Rohana Omar, 48, berkata, terdapat tiga saiz kerang yang dijual di gerainya iaitu besar (AAA), sederhana besar (AA) dan sederhana (A).

"Perminatannya terhadap kerang bergantung kepada ci-

Pembantu kedai,  
Mohamad  
Nazariezel Arif  
Daud  
menunjukkan  
kerang gasi  
yang siap  
dibakar.



Kerang gasi yang sedia untuk dihidangkan kepada pelanggan di gerai Penyu Corner di Pantai Batu Buruk.

tarasa pelanggan. Ada yang gemar kerang saiz kecil, ada juga yang suka kan kerang bersaiz besar kerana rasa dagingnya lebih kenyal dan isinya yang tebal.

"Saiz hidangan sama sahaja kerana di sini kita memang jual kerang gasi. Bagi pelanggan yang tidak gemarkan kerang, terdapat menu lain yang turut disediakan di sini," katanya.

Rohana berkata, kerang yang dijual pada harga RM15 semangkuk itu biasanya habis dijual sebaik gerai bero perasi bermula jam 4 petang hingga 10 malam.

"Jualan bergantung pada keadaan, biasanya hari biasa dalam 50 hingga 60 kilogram (kg), tetapi bila hari minggu kuantiti lebih banyak dan pernah cecah 90 hingga

100kg," katanya lagi.

Bagaimanapun, katanya, kerang bersaiz besar itu agak sukar diperoleh dan hanya bergantung kepada bekalan yang dihantar pembekal.

Menurutnya, bekalan kerang biasanya diperoleh daripada tiga pembekal secara bergilir-gilir iaitu dari Sabah, Perak dan Klang.

"Untuk dapatkan stok kerang saiz besar agak sukar kerana kebanyakan pembekal yang ditemui tidak sanggup hantar kerang ia sukar diperoleh. Tambahan pula, kerang ini kita dapatkan yang betul-betul segar dan berkualiti sebab itulah harganya juga agak mahal."

"Ada hari-hari tertentu bekalan kerang terputus, kita terpaksa tutup operasi kerana tidak mahu mengecewakan pelanggan. Biasanya kalau

yang datang dari jauh, kita galakkkan mereka untuk telefon terlebih dahulu," katanya.

Rohana yang berasal dari Kampong Durian Burung, Kuala Terengganu turut dibantu suaminya, Ahmad Zikri Che Ali, 39, dan tujuh pekerja.

Dia berkata, minatnya untuk berniaga kerang gasi kerana gemarkan sesuatu yang unik untuk dikongsi bersama pelanggan.

"Sebenarnya saya sekeluarga memang suka makan kerang. Daripada situ kami berusaha cari bekalan ini di merata-rata tempat sehingga ber temu dengan tiga pembekal yang sanggup terima tempahan."

"Kini sudah masuk tahun kedua gerai ini beroperasi sejak tahun 2019 dan sambutan yang diterima juga amat memberangsangkan," katanya.